

Cermin Adab Politik Melayu Berdasarkan Naskhah Undang-Undang dan Ketatanegaraan

Oleh
Dr. Jelani Harun
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Sejarah raja-raja Melayu memiliki ciri politik pemerintahan yang khusus berasaskan tradisi dan budaya hidup masyarakat yang membentuk institusi kesultanan Melayu. Sebahagian daripada asas pemerintahan raja-raja Melayu dapat disusuri semula dalam pelbagai naskhah undang-undang nukilan para pengarang istana yang banyak membuat rakaman dan catatan tentang sistem pentadbiran raja-raja masa lalu yang berteraskan peraturan dan adat istiadat Melayu. Naskhah *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Kedah* dan *Undang-Undang Minangkabau* telah mencirikan asas politik Melayu dalam bentuknya yang asal. Kedatangan dan perkembangan syiar Islam di Alam Melayu memberi sinar baharu kepada kelangsungan politik pemerintahan raja-raja Melayu melalui hasil persuratan adab ketatanegaraan seperti *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* dan *Nasihat al-Muluk*. Panduan dan nasihat adab ketatanegaraan Islam memberi penekanan terhadap pembentukan tatakelakuan raja-raja dan para pembesar dalam menguruskan pemerintahan negara sekali gus mengukuhkan cermin adab politik Melayu dalam dimensi tradisi dan asuhan agama.


Kata kunci: cermin adab, politik, manuskrip, undang-undang, ketatanegaraan, pentadbiran negara

Tradisi Politik Melayu

Politik Melayu berhubungan dengan kewujudan sesebuah negara yang berdaulat dan memiliki raja pemerintah, rakyat, undang-undang serta wilayah kekuasaannya yang tersendiri. Kedaulatan negara terserlah apabila raja bertakhta dan berkuasa memerintah kerajaan serta keabsahan jurai keturunan baginda yang diakui oleh rakyat. Ketuanan raja Melayu bukan hanya ke atas rakyat Melayu tetapi meliputi semua rakyat berbilang kaum yang hidup bernaung di bawah pemerintahan baginda, termasuk semua rakyat dan wilayah tanah jajahan. Seorang raja yang berdaulat mempunyai kebebasan dalam melaksanakan segala urusan pemerintahan baginda tanpa perlu terikat dengan arahan atau kawalan daripada kuasa asing.

Teras utama yang membentuk intipati atau nukleus politik Melayu adalah raja bertakhta dan berkuasa melaksanakan pemerintahan negara, dan seorang raja perlu menaiki takhta secara sah bagi mendapatkan kuasa pemerintahan negara. Oleh sebab itu, adat istiadat pertabalan raja merupakan proses peralihan kuasa yang sangat penting di istana, sangat dipelihara dan dimuliakan dengan penuh nobat pertabalan, agar legitimasi seseorang raja yang menaiki takhta kerajaan benar-benar diakui oleh pihak istana dan rakyat jelata. Undang-undang dan adat istiadat dibentuk bagi mengukuhkan kuasa raja-raja dan dalam masa yang sama bagi mengawal atau membendung raja-raja yang cuba menyimpang daripada tujuan asal pemilikan kuasa yang ada pada mereka.

Sejarah kesultanan Melayu telah meninggalkan sejumlah besar karya undang-undang seperti *Undang-Undang Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*, *Undang-Undang Kedah*, *Hukum Kanun Pahang* dan lain-lainnya sebagai bukti tentang wujudnya undang-undang bertulis pada masa lalu. Di samping itu, setiap kesultanan turut memiliki peraturan adat istiadatnya yang tersendiri, antara lain seperti tersurat dalam *Adat Raja-Raja Melayu* (Panuti Sudjiman, 1982). Dalam *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak* (1935: 9-10), struktur politik pemerintahan kesultanan Negeri Perak diibarat bagai pelayaran sebuah bahtera dengan sultan berperanan selaku nakhodanya. Semua hal pemerintahan kerajaan akan berpandu kepada undang-undang dan amalan adat istiadat yang telah ditetapkan, sehingga dapat dikatakan undang-undang dan amalan adat istiadat tersebut sebagai perlembagaan Melayu pada masa silam. Sementara naskhah *Undang-Undang Minangkabau* pula memerikan struktur negara seperti berikut (MS 1589 PKMM, hlm. 85):



Dalam sistem politik tradisi, raja-raja akan mempunyai sebuah barisan pembesar yang akan menasihati baginda tentang hal-hewal pemerintahan kerajaan. Bendahara akan menduduki tempat teratas selaku seorang yang berpengetahuan luas dalam kepimpinan, tua dari segi usia dan pengalaman dalam membuat keputusan. Tidak kurang pentingnya adalah para alim ulama dan penasihat peribadi kepada raja. Oleh itu, walaupun raja dikatakan berkuasa mutlak tetapi baginda masih perlu berbincang dan mendapatkan pandangan serta nasihat daripada para pembesar dan alim ulama sebelum membuat sesuatu keputusan yang berhubungan dengan pemerintahan kerajaan. Dalam konteks ini, para pembesar berperanan sebagai kumpulan pemikir dan ahli politik istana yang harus berpegang teguh kepada undang-undang dan adat istiadat, dan lebih-lebih pula harus bijak dan berani memberikan nasihat kepada raja, hatta kepada raja yang memerintah dengan menggunakan undang-undang rimba, atau memerintah secara kuku besi.

Persoalan di atas membangkitkan suatu konsep penting yang mencirikan politik Melayu yang berasaskan moral dan akhlak raja-raja dan para pembesar.¹ Kewujudan pendidikan tradisi

¹ Hampir seluruh sejarah politik pemerintahan tradisi bagi masyarakat dunia adalah berteraskan kepimpinan moral dan akhlak sebelum beralih mengikut perubahan masa ke sistem politik moden. Oleh itu, gagasan politik moral

dalam kalangan kerabat istana Melayu tidak pula bermakna semua raja telah mengamalkannya dalam pemerintahan kerajaan, kerana hakikat yang tersurat dalam karya historiografi banyak mengisahkan peristiwa raja yang rosak moral dan akhlak sehingga memerintah dengan zalim dan penuh penganiayaan terhadap rakyat. Keadaan seumpama ini telah tersurat dalam *Hikayat Raja Pasai*, *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Seri Kelantan* dan banyak karya historiografi yang lain, sehingga mencemar sejarah institusi raja-raja Melayu.

Perkembangan syiar Islam di Alam Melayu telah memperkenalkan suatu bentuk penulisan yang khusus memberi nasihat pemerintahan yang adil dan bijaksana kepada raja-raja Melayu. Penulisan yang dimaksudkan dikenali umum sebagai adab ketatanegaraan, suatu genre yang berperanan sebagai “cermin” kepada raja-raja dan pembesar dalam pembentukan keperibadian seorang pemimpin yang berlandaskan nilai tradisi dan ajaran Islam. Sehingga kini, sekurang-kurangnya empat buah karya cermin adab atau *mirrors* dari istana Aceh Darussalam telah berjaya ditemui tersimpan di beberapa buah pusat manuskrip di Eropah. Dalam konteks politik pemerintahan kerajaan, karya tersebut tergolong sebagai hasil persuratan yang berhubungan dengan tatacara pengurusan negara (*statecraft*) atau pentadbiran kerajaan yang berorientasikan tuntutan ajaran Islam (*Islamic Governance*).

Seorang raja atau pembesar adalah pemimpin yang memiliki kuasa yang besar dalam melaksanakan urusan pemerintahan negara sehingga boleh melakukan apa-apa sahaja terhadap pentadbiran kerajaan, menguasai undang-undang dan seluruh rakyat jelata. Hal tersebut boleh membuka ruang kepada raja-raja atau pembesar untuk bertindak mengikut kata hati sendiri, melakukan tindakan-tindakan yang di luar batas kemanusiaan, memanipulasi rakyat, malah boleh mengorbankan nyawa rakyat demi kepentingan golongan istana. Adat dan budaya hidup Melayu telah menyediakan berbagai-bagai panduan dan peraturan bagi mengawal tatakelakuan para pemimpin istana, walaupun tidak semuanya dipatuhi oleh raja-raja dan para pembesar. Dalam hal ini, kedatangan Islam telah membawa petunjuk yang lebih jelas kepada para pemimpin tentang tugas dan tanggung jawab mereka terhadap negara yang dipimpin dan rakyat jelata. Sebahagian daripada petunjuk tersebut menjelma dalam pelbagai panduan pemerintahan yang tertera dalam hasil persuratan adab ketatanegaraan.

Manuskrip Adab Ketatanegaraan Terawal


Hampir semua naskhah awal adab ketatanegaraan seperti *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* adalah ditemui di Aceh. Walaupun Melaka telah muncul lebih awal sebagai pusat kesultanan Melayu sekitar awal abad ke-16, tetapi setakat yang diketahui tiada pernah diketahui kemunculan karya seperti *Taj al-Salatin* atau *Bustan al-Salatin* di Melaka. Sebaliknya, karya


dan akhlak bukanlah hanya khusus bagi kesultanan Melayu, sebaliknya merupakan suatu tradisi yang menjadi amalan bagi masyarakat di seluruh dunia (Syed Ahmad Hussein, 2004: 4-10).

adab ketatanegaraan hanya bermula di Aceh, khususnya dalam zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1589-1604), Sultan Iskandar Mahkota Alam (1606-1636) dan Sultan Iskandar Thani (1636-1641). Melalui cermin adab ketatanegaraan ini, raja-raja Aceh telah diberikan berbagai-bagai panduan dan nasihat oleh pengarang-pengarang istana tentang tatacara pemerintahan negara mengikut landasan pemerintahan yang adil dalam Islam.


Sejarah kewujudan persuratan adab ketatanegaraan di Aceh amat berkaitan dengan *Taj al-Salatin* sebagai karya yang terawal, bertarikh sekitar tahun 1604. Walaupun identiti sebenar pengarang karya ini masih samar (sama ada Bukhari atau Bukhari al-Jauhari), tetapi hakikatnya karya ini adalah antara hasil penting dalam sejarah persuratan Aceh, sebuah karya berbahasa Melayu terawal dalam membicarakan persoalan tatacara pemerintahan raja-raja. Selepas *Taj al-Salatin*, persuratan adab ketatanegaraan di Aceh bersambungan pula dengan *Bustan al-Salatin* oleh Nuruddin al-Raniri pada tahun 1638. Kedua-dua buah karya tersebut amat tersohor di Alam Melayu pada abad ke-17 yang lalu dan dikesani telah tersebar luas ke kerajaan yang lain sekitar abad ke-18 sehingga awal abad ke-20.


Walau bagaimanapun, pandangan terhadap *Taj al-Salatin* sebagai hasil persuratan adab ketatanegaraan terawal di Aceh kini sudah semakin diragui, terutamanya dengan penemuan dua buah salinan Melayu karya *Nasihat al-Muluk*. Pertama, sebuah terjemahan Melayu bagi *Nasihat al-Muluk* hasil karangan Imam al-Ghazali (tahun 1700) yang kini tersimpan di Edinbrugh University Library. Kedua, sebuah terjemahan Melayu bagi *Nasihat al-Muluk* hasil karangan Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi (tahun 1604) yang kini tersimpan di Cambridge University Library. *Nasihat al-Muluk* oleh Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi mempunyai kedudukannya yang tersendiri kerana merupakan hasil persuratan adab ketatanegaraan yang pertama sekali muncul di Aceh pada tahun 1604. Karya tersebut adalah salah sebuah koleksi naskhah yang pernah dimiliki oleh Pieter Willemesz van Elbinck sewaktu beliau berada di Aceh pada tahun 1604.





Manuskrip *Nasihat al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali, 1700 (Edinbrugh University Library)





Manuskrip *Nasihat al-Muluk* oleh Syeikh Hussain Wa'iz al-Khasifi, 1604 (Cambridge University Library)

***Nasihat al-Muluk* oleh Husain Wa'iz al-Khasifi**

Isi kandungan *Nasihat al-Muluk* karangan Husain Wa'iz al-Khasifi terbahagi kepada dua bahagian (*qism*) yang dipecahkan pula kepada beberapa fasal. Bahagian pertama tentang raja-raja dan hubungannya dengan pembesar dan hamba rakyat yang berada di sekelilingnya. Seorang raja tidak akan mampu memerintah negara secara bersendirian, sebaliknya amat bergantung kepada bantuan daripada para pembesar istana dan kesefakatan hamba rakyat. Oleh itu, seorang raja perlu mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan semua pembesar, termasuk dalam soal memilih pembesar yang layak untuk memegang sesuatu jawatan itu. Bahagian kedua pula memberi panduan kepada raja-raja tentang ciri-ciri keperibadian yang baik, termasuk juga perbicaraan tentang tugas-tugas menteri, jurutulis istana dan pemungut cukai. Ketinggian dan kehebatan seorang raja sangat berkaitan dengan ketinggian peribadi para pembesar yang berada di sekeliling baginda. Secara ringkas, susunan isi kandungan kitab tersebut dapat diringkaskan seperti berikut:

Tajuk

hlm.

Qism yang pertama:

“Qism yang pertama pada menyatakan tertib raja pada melengkara akan hambanya.”

81-97

-“Sebermula hendaklah terutama daripada segala pekerjaan memelihara anak.”

98-100

-“Seharusnya raja memilih orang yang dijadikan abantara dan

akan utusannya kerana orang itu akan ganti lidah segala raja-raja.”	101-104
-“Bab peri hulubalang.”	105-113
Qism yang kedua:	
“Qism yang kedua peri menyatakan orang yang menghampir raja itu.”	114-117
-“Syarat memelihara hak raja dengan dua puluh lima syarat.”	118-142
-“Fasal pada memelihara hak diri”	143-146
-“Fasal pada menyatakan memelihara rakyat kerana akan pekerjaan yang memelihara rakyat itu terlebih daripada segala pekerjaan.”	147-148
-“Fasal pada menyatakan pengajar akan panglima dan segala pegawai raja.”	148-157
-“Fasal pada menghimpunkan arta dan rakyat”	158-167
-“Bermula akan menteri yang jahat pekertinya tidak memberi manfaat pekertinya akan rajanya.”	168-180
-“Syarat akan orang yang menjabat kalam iaitu orang penyurat surat bingkis segala raja-raja.”	181-183
-“Alkisah akan segala orang yang kerja akan mengambil ufti negeri.”	184-186
-“Sebermula hendak ada diketahui pada berbuat kebaktian akan Allah ta’ala dan akan rajanya”	187-192

Cerita-cerita nasihat mengambil tempat yang sangat penting dalam persuratan adab ketatanegaraan, sebagai tauladan dan iktibar pengajaran kepada raja-raja dan pembesar, terutamanya bagi mengaitkan sesuatu nasihat dengan peristiwa-peristiwa yang dipercayai pernah berlaku dalam sejarah. Semua cerita bersumber daripada pelbagai kisah tentang nabi-nabi, raja-raja purba, khalifah Islam, pahlawan, orang salih dan sebagainya. Semua cerita disampaikan secara ringkas, bersifat anekdot dan mudah difahami maksudnya agar raja atau pembesar yang baik akan tahu balasan pahala (syurga) yang bakal mereka terima. Sementara raja atau pembesar yang jahat akan mendapat balasan dosa (neraka).

Pengarang *Nasihat al-Muluk* memulakan nasihatnya dengan mengemukakan beberapa kelebihan bagi raja-raja mengetahui tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan Allah SWT kepada mereka. Kedudukan raja selaku pemimpin pula disetarakan dengan Nabi dengan kata-kata (hlm. 82): “Pada orang budiman akan raja dan Nabi itu upama permata pada satu

cincin.”² Maksud keadilan raja meliputi medan makna yang luas termasuk sifat kuat beribadat, pemurah, berani, tidak khianat, setia, sabar, sopan, tidak tamak, hidup sederhana, rendah diri, amanah, rajin, ikhlas, dan pelbagai ciri lain. Keadilan justeru menjadi teras penulisan adab ketatanegaraan, berfungsi sebagai mekanisme yang menjadi nadi atau roh kepimpinan Islam kepada raja.

Untuk menjadi seorang pemerintah yang adil dan bijaksana, Husain Wa’iz al-Kashifi menasihati raja-raja agar sentiasa memeriksa dan mengetahui segala hal yang berkaitan dengan para pembesar yang berada di sekelilingnya (hlm. 82-83): “Seharusnya ia berjinak-jinakan dengan segala pegawainya” kerana mereka adalah “mata” dan “telinga” yang akan mengerjakan segala perintah raja-raja. Menurut Husain Wa’iz al-Kashifi lagi, tugas seorang utusan itu “akan ganti lidah segala raja” (hlm. 101), sementara “menteri itu perhias kerajaan” (hlm. 107). Kegagalan raja mengawal tingkah laku para pembesar bakal mengundang musibah kepada raja dan negara.

Salah satu tugas besar yang harus dilaksanakan oleh seorang raja ialah memilih dan melantik para pembesar dan menteri bagi membantu baginda menjalankan urusan pentadbiran negara. Selaku pembantu raja dalam pentadbiran negara, para pembesar turut memikul tugas yang berat, dalam erti kata, keteguhan dan keamanan sesebuah negara bukan hanya terletak di bahu raja tetapi juga di bahu para pembesar istana. Dalam memikul tugas yang berat tersebut, para pembesar harus memiliki kualiti-kualiti peribadi yang tertentu, sesuai dengan keperluan tugasnya. Seandainya seorang raja sangat dituntut supaya memiliki sifat adil maka seorang pembesar pula sangat dinasihati supaya memiliki sifat bijaksana. Seseorang yang bijaksana bukan sekadar memiliki akal yang cerdik tetapi pandai atau pintar menggunakan akal tersebut dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan hidup. Pembesar yang bijaksana adalah aset penting bagi sesebuah istana.

Hubungan antara raja dengan para pembesar seringkali dilihat berbentuk hubungan dua hala. Dari satu sudut, raja dengan kuasa yang ada padanya, akan dapat mengawal para pembesar supaya tunduk dan patuh di bawah aturannya. Seandainya raja bersikap adil akan turut mempengaruhi pembentukan sikap pembesar yang adil. Sebaliknya, bagi raja yang bersikap zalim berkemungkinan akan turut mempengaruhi pembentukan sikap pembesar yang zalim. Dari satu sudut yang lain, terdapat juga keadaan dalam mana pemerintahan seseorang raja yang lemah akan dikuasai oleh para pembesarnya. Keadaannya juga sama. Seandainya pembesar memiliki peribadi mulia akan turut memancarkan cahaya mulia ke atas peribadi raja. Demikianlah sebaliknya, pembesar yang hidup dengan hawa nafsu, muhu tidak muhu akan memberi kesan ke atas kebuasan nafsu rajanya.

Kedudukan selaku pembesar bukan sekadar berhubungan dengan raja, tetapi lebih daripada itu, pembesar dan menteri memainkan peranan yang sangat penting dalam hubungan raja dengan rakyat. Pembesar merupakan “orang tengah” dalam hubungan antara raja dengan rakyat. Sering kali berlaku dalam sejarah para pembesar lebih berkuasa ke atas rakyat berbanding dengan raja. Justeru adalah menjadi kewajipan kepada pemerintah agar memilih dan melantik para pembesar dan menteri yang benar-benar memiliki kualiti peribadi yang

² Ungkapan ini turut dipetik oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad, 1996: 178): “Hendaklah kamu semua tuliskan kepada hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah taala dan Rasul Allah sallallahu alaihi wassalam, dan jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian, kerana pada segala hukum, bahawa raja-raja yang adil itu dengan Nabi sallallahu alaihi wassalam umpama dua buah permata pada sebentuk cincin...”

sebaik-baiknya. Kesilapan dalam memilih pembesar dan menteri akan membawa bencana kepada raja, rakyat dan negara.

Justeru, raja-raja seringkali diberi ingatan agar sentiasa meneliti kebenaran atau kejujuran para pembesar istana, agar kebijaksanaan dan kedudukan yang mereka miliki tidak disalahgunakan untuk perkara yang membawa keburukan. Sejarah telah membuktikan bahawa banyak peristiwa buruk dan bala bencana telah berlaku akibat daripada perbuatan fitnah, khianat dan hasad dengki para pembesar sehingga mengundang kehancuran sebuah kerajaan. Supaya perkara ini tidak berulang lagi, raja amat dinasihati agar sentiasa peka dengan peribadi setiap pembesar, termasuk pembesar yang paling utama sekalipun.

Dalam menyampaikan nasihat dan panduan kepada raja-raja, pengarang adab tidak hanya memusatkan perhatian kepada hal-hal tentang keadilan atau kebaikan, sebaliknya memasukkan sama beberapa persoalan yang berhubungan dengan kezaliman atau kejahatan. Ada ketikanya, maksud keadilan akan lebih difahami oleh pembaca sekiranya disertai dengan kisah-kisah kezaliman, keburukan, kemungkar atau kejahatan manusia. Dalam hal ini, para pembesar atau menteri selalu diberi ingatan dan teguran agar sentiasa memelihara tatacara yang betul dalam hubungan mereka dengan raja-raja agar tidak menimbulkan sebarang masalah kepada diri mereka sendiri. Demikian dalam *Nasihat al-Muluk*, Husain Wa'iz al-Kashifi turut memberi beberapa keterangan tentang sifat buruk yang perlu dijauhi oleh raja-raja atau pembesar, termasuk dengan memberi beberapa panduan kepada menteri sewaktu menjalankan tugas mereka. Contoh yang ketara tergambar dalam petikan berikut (hlm. 168-171):

Maka seharusnya bagi segala menteri yang adil pada mengamalkan dengan sembilan syarat. Pertama, memeliharkan daripada pihak hak subhanahu wa taala, nescaya kepada menteri itu adalah ia insaf, berhentilah pada pekerjaan yang jahat.

Kedua perkara syarat disamakan daripada pihak rajanya dan rakyat, jangan ia cenderung kepada yang salah pada barang suatu pekerjaannya daripada segala pihak, supaya tiada ia menyesal pada kemudiannya. Bahawa inilah pekerjaan yang yang terlebih sukar pada mengerjakan dia yang terlebih mulia dan indah daripada segala pekerjaan menteri pada barang pekerjaan yang dikerjakannya. Maka bagi akibat dipeliharakan dengan sempurnanya supaya jangan ia menyesal.

Ketiga perkara syarat bagi kelakuan yang elok diperangaiannya dan dibawakannya orang mengerjakan dia kerana tersebut dalam Hadis Rasul Allah sallallahu alaihi wassalam [Arab], yakni, barangsiapa orang membawakan pekerjaan yang berbuat baik maka adalah akan baginya pahala kebaktiannya dan seperti pahala orang yang berbuat tadi itu. Maka barangsiapa membawakan orang pekerjaan yang jahat maka adalah atasnya dosa yang maha besar seperti dosa orang yang berbuat tadi.

Keempat perkara jikalau rajanya memeliharkan suatu pekerjaan yang tiada memberi manfaat akan pekerjaannya dan akan menghasilkan arta, maka jangan dikabulkannya dalam hatinya, tetapi tatkala di hadapan orang banyak disungguh-sungguhkannya juga sekadar rajanya itu jangan lagi dibantahinya. Adapun akan raja-raja itu seupama air sungai yang turun dari atas bukit. Jika seorang orang hendak menebat dia dengan sekali-kali sudah, maka nescaya sesungguhnya hayat dengan dirinya, maka segala pekerjaannya itu pun binasa melainkan dengan dirinya lagi dahulu. Maka dengan sekali sedikit ditebatnya daripada suatu pihak dan disuruhkannya jalannya mengalir kepada tempat yang lain supaya suruh itu diikutnya. Demikianlah ibarat kepada raja-raja dengan berperlahan mengatakan kesalahan pekerjaannya.

Sesungguhnya terdapat berbagai-bagai nasihat dan panduan yang telah diberikan oleh Husain Wa'iz al-Kashifi dalam *Nasihat al-Muluk* yang masih boleh terus diteliti dan diperhalusi lagi. Sekiranya karya ini benar-benar telah lama berada di Aceh, besar kemungkinan telah memberi banyak manfaat kepada raja-raja dan pembesar Aceh dalam menetapkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Tidak ketinggalan Husain Wa'iz al-Kashifi turut memberi peringatan kepada raja-raja agar sentiasa memeriksa para pembesar atau pegawai istana yang mengamalkan perbuatan “kekol” atau rasuah (hlm. 180): “Sekali-kali jangan dilalaikan ahwal orang yang mengambil kekol daripada orang kerana yang memberi dan yang menerima itu pekerjaan haram.” Demikian kerasnya peringatan Husain Wa'iz al-Kashifi terhadap perbuatan rasuah yang boleh membinasakan sistem keadilan dan pemerintahan negara.


Keadilan dan Kedaulatan Pemimpin

Kebebasan bersuara tidak wujud dalam budaya politik kenegaraan Melayu masa silam kerana semua rakyat berada di bawah naungan raja pemerintah negeri yang memiliki kedaulatannya yang tersendiri. Undang-undang derhaka telah sedia digubal bagi mengawal kerabat raja, pembesar dan rakyat yang cuba meninggikan suara menentang raja pemerintah negeri. Dalam *Sulalatus Salatin* (A. Samad Ahmad, 1996), gema suara lantang Hang Jebat mengkritik pemerintahan Sultan Melaka akhirnya membawa malang kepada hulubalang itu sehingga hilang nyawa, keluarga, rumah tangga dan maruah dirinya. Perjuangan Hang Jebat bukan perjuangan meninggikan suara rakyat, sebaliknya merupakan letusan protes terhadap institusi kesultanan yang dirasakannya sudah tidak sehaluan lagi dengan pendirian peribadinya. Perbuatan Hang Jebat bukan hanya melanggar adab hulubalang dan *wa'ad* Melayu, tetapi juga tidak sehaluan dengan nasihat-nasihat yang sering tertera dalam karya ketatanegaraan Melayu. Kata-kata “raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah” tidak pernah tersurat dalam mana-mana karya Melayu. Karya ketatanegaraan mengajarkan agar “raja adil raja ditaati, raja zalim raja dinasihati”.

Undang-undang dan kaedah politik tradisi Melayu sangat melarang rakyat daripada menderhakai raja walaupun raja memerintah dengan zalim. Tradisi tersebut adalah selaras dengan nasihat-nasihat yang sering tersurat dalam adab ketatanegaraan Islam. Dalam *Nasihat al-Muluk* (1604, hlm. 171), Syeikh Husain Wa'iz al-Kashifi berpesan bahawa, “Adapun akan raja-raja itu seumpama air sungai yang turun dari atas bukit.” Ungkapan yang pendek ini boleh membawa implikasi yang besar kepada rakyat jelata. Kuasa raja ibarat air yang turun dari bukit yang begitu sukar untuk dikawal dan dihalang alirannya. Rakyat yang cuba menentang raja bakal berhadapan dengan kuasa tradisi raja-raja yang boleh menyebabkan berbagai-bagai kesusahan, penderitaan, hatta kehilangan nyawa dan harta benda.

Persoalan tentang keadilan dan kedaulatan raja merupakan isu yang perlu dilihat secara lebih luas. Politik tradisi Melayu sangat menyanjung tinggi kedaulatan raja-raja Melayu yang perlu ditaati dan disembah oleh seluruh rakyat jelata. Kedaulatan raja berhubungan secara langsung dengan kemuliaan raja-raja yang berasal-usul daripada kepercayaan silam. Darah keturunan raja juga menjadi kebanggaan dan kebesaran golongan raja-raja yang tidak dimiliki oleh rakyat jelata. Oleh itu, sama ada seorang raja itu memerintah dengan adil atau zalim, rakyat perlu terus patuh dan taat setia tanpa berbelah-bahagi, raja terus disembah dan didaulatkan. Semua suara bantahan perlu disalurkan melalui pembesar dan alim ulama istana untuk disampaikan kepada raja.

Ada ketikanya seorang raja memerintah dengan menggunakan undang-undang rimba demi memelihara kelangsungan politik pemerintahan baginda, dengan membelakangkan nasihat daripada para pembesar, tetapi rakyat akan tetap mendaulatkannya. Dalam konteks ini, kedaulatan seorang raja hanya berdasarkan kepercayaan tradisi rakyat yang telah tertanam kukuh sekian lama terhadap raja, bahawa seorang raja perlu disembah tanpa mengira baginda memerintah dengan adil atau zalim. Hal ini ternyata sangat bertentangan dengan panduan yang diberikan dalam adab ketatanegaraan Melayu, kerana mengikut asas keislaman, hanya raja yang memerintah dengan adil yang memiliki daulat dan kemuliaan selaku seorang pemimpin kepada rakyat jelata. Dalam *Taj al-Salatin*, ada tersurat kata-kata, “Hilang daulat akibat zalim”.



Politik Raja dan Pembesar

Sultan Zainal Abidin III

Pada dekad yang lebih kemudian, sejarah kesultanan Melayu di Terengganu telah melahirkan seorang sultan yang tersohor dengan sifat keadilan dan kealimannya. Sultan yang dimaksudkan ialah Sultan Zainal Abidin III yang memerintah antara tahun 1881-1918. Sejarah hidup Sultan Zainal Abidin III telah menjadi bahan penelitian ramai pengkaji. Secara ringkasnya, Sultan Zainal Abidin ibn Sultan Ahmad II dilahirkan pada 23 April 1864. Pada tahun 1881, baginda telah dilantik menjadi sultan Terengganu yang ke-11 setelah kemangkatan ayahandanya, Sultan Ahmad Shah II. Zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III merupakan suatu zaman yang kritikal bagi Negeri Terengganu kerana berhadapan dengan kemasukan pengaruh Inggeris di negeri pantai timur tersebut. Walau bagaimanapun, berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pentadbiran negara, termasuk semangat tinggi dalam mempertahankan institusi kesultanan Terengganu yang berteraskan nilai-nilai keislaman dan tradisi budaya yang utuh, Sultan Zainal Abidin III akhirnya berjaya mempertahankan kemaraan pengaruh Inggeris dan dalam masa yang sama terus meletakkan Negeri Terengganu sebagai sebuah kerajaan kesultanan Melayu yang kukuh pada abad ke-19 tersebut.

Terengganu pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III terkenal dengan kehadiran ramai tokoh agama dan ulama. Sebahagian daripada mereka memegang jawatan-jawatan penting di istana atau menjadi penasihat keagamaan kepada sultan. Antara tokoh ilmuan tersebut termasuklah Tuk Syeikh Duyong (Haji Wan Abdullah Haji Wan Muhammad Amin, m.d. 1889) yang memegang jawatan selaku Mufti dan Tuk Ku Paloh (Sayyid Abdul Rahman al-Idrus, m.d. 1918) yang menjadi Syeikhul Islam. Tuk Syeikh Duyong dan Tuk Ku Paloh juga merupakan guru agama dan penasihat peribadi kepada Sultan Zainal Abidin III. Justeru kehidupan Sultan Zainal Abidin yang sentiasa berdampingan dengan alim ulama

menjadikan baginda dikenali sebagai salah seorang sultan Terengganu yang alim dan adil serta membawa kemajuan kepada Terengganu.

Keperibadian Sultan Zainal Abidin III telah berjaya menarik perhatian ramai pengarang Melayu di Terengganu untuk menulis atau merakam pelbagai peristiwa yang berlaku sekitar zaman pemerintahan baginda. Daripada koleksi naskhah yang telah ditemui, tergambar suatu deskripsi yang berbagai-bagai daripada pengarang Melayu dalam menilai sifat-sifat dan peranan Sultan Zainal Abidin III selaku pemerintah istana kesultanan Melayu yang agung pada zamannya, terutamanya dalam mempertahankan budaya hidup masyarakat Melayu yang sedang dilanda kemajuan moden Barat. Kajian-kajian yang lebih mendalam terhadap hasil-hasil persuratan Terengganu abad ke-19 tersebut akhirnya membawa kepada penemuan-penemuan penting tentang keperibadian Sultan Zainal Abidin III sebagai seorang model pemerintah yang sangat memelihara budaya hidup masyarakat Melayu sama ada dari sudut budaya material maupun budaya pemikiran dan intelektualnya.



Sultan Zainal Abidin III (1881-1918)

Sifat keadilan Sultan Zainal Abidin III terserlah melalui penemuan sebuah hasil persuratan adab ketatanegaraan yang ditulis khusus untuk baginda berjudul *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin*. Manuskrip kitab tersebut kini berada di Muzium Negeri Terengganu

yang merupakan satu-satunya manuskrip yang mempunyai tajuk demikian di Terengganu. Isi kandungannya memberi berbagai-bagi bimbingan dan panduan tatacara pemerintahan kepada Sultan Zainal Abidin III, terutamanya dalam memelihara adab-adab hubungan raja dengan agama, rakyat dan negara. Manuskrip terdiri daripada 188 halaman dengan tulisan Jawi yang baik dan ditulis menggunakan dakwat berwarna hitam. Ringkasan isi kandungan bagi setiap fasal yang terdapat dalam *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* adalah seperti berikut:

Fasal pertama:

Fasal pertama berkisar kepada huraian pengarang tentang tanggungjawab dan kewajipan raja-raja. Menurut pengarang, adalah menjadi tanggungjawab rakyat untuk mematuhi perintah raja. Di samping memetik kata-kata beberapa orang ulama, pengarang juga memetik kata-kata hikmat daripada beberapa orang ahli falsafah Greek seperti Jalinus Hakim (Galen), Aristatalis Hakim (Aristotle), Aflatun Hakim (Plato) dan Iskandar Zulkarnain. Huraian Nuruddin al-Raniri tentang tanggungjawab dan kewajipan raja-raja diikuti pula dengan huraianya tentang beberapa ciri raja yang adil yang disampaikan secara lebih ringkas dan padat. Pengarang menyenaraikan dua puluh dua syarat raja-raja yang adil, antaranya termasuklah ciri adil dalam melaksanakan hukum Allah, memelihara rakyat dan menjaga keamanan negara.

Fasal kedua:

Fasal kedua membariskan beberapa cerita didaktik yang berkaitan dengan sifat-sifat raja yang adil yang dibuat dalam bentuk anekdot, ringkas dan mudah difahami. Cerita-cerita berkenaan dipetik daripada pelbagai kisah tentang nabi, khalifah Islam yang empat, para aulia dan ulama, kisah raja-raja yang berlaku dalam sejarah benar, dan juga cerita-cerita daripada lagenda serta hikayat. Antara tokoh pemerintah yang menjadi model tentang sifat-sifat keadilan termasuklah Khalifah Umar ibn al-Khattab, Khalifah Umar ibn Abdul Aziz dan Khalifah Harun al-Rasyid. Selain itu terdapat juga cerita raja yang bukan Islam tetapi sangat adil seperti Raja Nusyirwan Adil dari Parsi. Lazimnya, di bahagian akhir cerita-cerita yang dikemukakan, pengarang mengukuhkan pula tema pengajarannya dengan memberikan beberapa “nasihat” kepada raja-raja dan pembesar negara.

Fasal ketiga:

Fasal ketiga berkaitan dengan tugas-tugas kadi (hakim). Dalam bahagian ini pengarang menyenaraikan beberapa sifat yang perlu ada pada seorang kadi termasuklah bersifat adil, bijak berkata-kata, hafaz Quran, tahu bahasa Arab dan menguasai ilmu darab. Antara cerita tentang kadi yang dipaparkan termasuklah cerita kadi Harun al-Rasyid yang bernama Abu Yusuf (Abu Yusuf Ya'qub ibn Ibrahim al-Ansari al-Kufi, m.d. 798) dan beberapa cerita tentang Hassan al-Basri dengan kadi. Dari cerita-cerita yang dipaparkan jelas memperlihatkan akan penekanan pengarang tentang pentingnya seseorang kadi memiliki sifat-sifat adil, bijaksana, sabar dan beriman.

Fasal keempat:


Fasal keempat khusus membincarakan tugas wazir. Pengarang telah menyenaraikan dua puluh dua ciri wazir yang bijaksana, antaranya ialah beriman, taat setia terhadap raja, sabar, bijaksana memilih pesuruh-pesuruh raja, bersahabat dengan orang yang budiman, memelihara rahsia raja dan beberapa ciri yang lain. Cerita-cerita tentang wazir yang dipaparkan diakhiri oleh pengarang dengan nasihat-nasihat tentang kepentingan wazir berlaku adil dan bijaksana dalam menjalankan tugasnya.

Fasal kelima:

Fasal kelima berkaitan dengan tugas-tugas seorang utusan raja. Menurut pengarang, seorang utusan memikul tugas yang besar kerana dia merupakan ganti raja dalam hal-ehwal luar negeri. Terdapat sepuluh sifat seorang utusan yang dicatatkan iaitu teguh agamanya, berpengetahuan, elok parasnya, tiada khianat, fasih berkata-kata, bijaksana, berani melakukan perintah raja, dermawan, baik kelakuannya dan tidak tamak. Ringkasnya, bahagian tentang utusan dipaparkan untuk menunjukkan kepada raja-raja peri pentingnya memilih utusan yang sesuai, amanah dan bertanggungjawab, sebagai duta yang akan memuliakan nama raja dan negara.

Fasal keenam:

Fasal keenam membicarakan tugas katib, yakni, pegawai yang bertindak selaku setiausaha kepada sultan yang bertanggungjawab dalam mencatatkan segala perintah dan pesanan. Menurut pengarang, antara sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seorang katib ialah mengetahui ilmu falak, ilmu tabib dan ilmu syair.



Halaman daripada *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin*

Secara dasarnya isi kandungan *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* berteraskan prinsip dan amalan raja-raja Islam sesuai dijadikan panduan dalam pentadbiran istana Terengganu. Kitab tersebut merupakan koleksi panduan pemerintahan raja-raja yang adil menurut pandangan Islam, yakni, raja yang menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan mengikuti ajaran Islam serta panduan daripada Nabi, khalifah dan raja-raja Islam yang adil. Justeru, segala panduan yang terdapat di dalam kitab tersebut sesuai menjadi bahan rujukan dan iktibar kepada raja-raja dan pembesar Terengganu, selaras dengan perkembangan Islam yang teguh di istana Terengganu. Segala huraian tentang kebaikan sifat adil dan keburukan sifat zalim yang terdapat di dalam kitab berkenaan mungkin telah memberi sedikit sebanyak panduan kepada Sultan Zainal Abidin dalam melaksanakan tugas pemerintahannya.

Salah satu perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan dengan tarikh *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* itu ditulis atau disalin, yakni pada tahun 1300 Hijrah (1883 Masihi). Sultan Zainal Abidin III menaiki takhta kerajaan Terengganu pada tahun 1881 ketika berusia 16 tahun. Hal ini menggambarkan keperihatinan pembesar atau penasihat istana terhadap seorang sultan yang masih muda. Lalu selepas dua tahun baginda bertakhta, iaitu dalam usia 18 tahun, *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* pun ditulis/disalin sebagai panduan atau bahan pendidikan tentang adab pentadbiran kerajaan kepada sultan yang masih muda tersebut. Panduan yang awal ini barangkali sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pembentukan keperibadian Sultan Zainal Abidin III sewaktu menerajui pemerintahan Terengganu sehingga ke akhir hayat baginda. Melalui *Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin* ini, Sultan Zainal Abidin III secara langsung atau tidak langsung telah menerima bimbingan daripada penasihat istana tentang bagaimana membentuk ciri-ciri seorang pemerintah yang adil mengikut lunas-lunas ajaran Islam yang mulia.

Salah satu sumbangan besar Sultan Zainal Abidin III adalah melaksanakan undang-undang syariah di Terengganu yang berteraskan Quran, Hadis, ijmak, qisas dan beberapa sumber perundangan lain yang telah diakui oleh para ulama. Engku Sayyid Paloh dan Tok Syeikh Duyung adalah tokoh-tokoh perundangan Islam yang berkhidmat dalam zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dan sentiasa menjadi rujukan dalam hal-hal yang bersangkutan hukum syarak di Terengganu ketika itu. Malah, Engku Sayyid Paloh dan Tok Syeikh Duyung adalah antara penasihat agama bagi Sultan Zainal Abidin III khususnya dalam hal-hal yang melibatkan undang-undang dan pentadbiran kerajaan.

Kesimpulan

Institusi raja yang wujud di Malaysia pada hari ini adalah suatu kesinambungan daripada tradisi pemerintahan kesultanan Melayu yang telah lama bertakhta di Alam Melayu. Kedatangan Islam telah membawa pelbagai perubahan ke dalam tradisi kesultanan tersebut termasuk dari segi kedudukan raja-raja, adat-istiadat, sistem keadilan, undang-undang dan sebagainya. Perubahan-perubahan tersebut bukan sahaja disampaikan melalui ajaran agama secara terus tetapi juga melalui pelbagai bentuk hasil persuratan Islam yang tersebar dan berkembang luas di Alam Melayu ketika itu. Penulisan adab ketatanegaraan merupakan suatu contoh unik bagaimana pembesar, sasterawan, sejarawan atau penulis istana masa silam mencernakan pemikiran Islam tentang konsep kenegaraan di Alam Melayu yang kaya dengan sejarah dan pelbagai unsur adat-istiadat serta adab sopan masyarakat tempatan. Falsafah dan prinsip yang tertera dalam adab ketatanegaraan masih menjadi bahan renungan dan iktibar moral yang relevan kepada pemerintah, pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat umum. Malah, adab ketatanegaraan Melayu boleh menjadi cermin adab yang penting dalam pembentukan dasar pemerintahan negara, pelaksanaan sistem undang-undang dan pembinaan jati diri bangsa dalam zaman siber masa kini.

Bibliografi

- A. Samad Ahmad, 1996. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bagley, F.R.C., 1964. *Book of Counsel for Kings* (translated from the Persian of al-Ghazali's *Nasihat al-Muluk*). London: Oxford University Press.
- Casparis, J.G. de., 1956. *Selected Inscriptions From the 7th to the 9th Century*. Bandung: Penerbit Masa Baru.
- Coedes, G & Damais L., 1992. *Sriwijaya: History, Religion & Language of an Early Malay Polity*. Monograph of the MBRAS No. 20.
- Dankoff, R., 1983. *Wisdom of Royal Glory: A Turko-Islamic Mirror for Princes* (translated from Yusuf Khass Hajib's *Kutadgu Bilig*). Chicago: University of Chicago Press.
- Falarti, Maziar Mozaffari, 2013. *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society*. Petaling Jaya: SIRD.
- Hikayat Hang Tuah* dikaji dan diperkenalkan oleh Kassim Ahmad, 1997. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hikayat Misa Melayu Karangan Raja Chulan ibn Raja Hamid* dikaji dan diperkenalkan oleh Jelani Harun, 2015. Kuala Lumpur: RNS Publications dan Yayasan Karyawan.
- Hikayat Raja Pasai* dikaji dan diperkenalkan oleh Russell Jones, 1999. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan
- Jelani Harun, 2002. "Undang-Undang Raja Nati dan Bayan al-Asma' karya Perundangan dan Ketatanegaraan Kesultanan Kutai" *Jurnal Filologi Melayu* (10), hlm. 147-159.
- Jelani Harun, 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun, 2008. *Undang-Undang Kesultanan Melayu Dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Jelani Harun, 2009. *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*. Penang: USM Press.
- Jelani Harun, 2017. *Zainal Abidin III: Biografi Sultan Yang Adil dan Alim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keene, H.G., 1986. *Akhlaq-i-Muhsini or The Morals of the Beneficent* (translated from the Persian of Husain Waiz Kashifi's *Akhlaq-i-Muhsini*). London: W.H. Allen.
- Khairul Azhar Idris (peny.), 2014. *Karya Agung Tamadun Islam dan Peradaban Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Khalid M. Hussain, 1992. *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arsyad, 1928. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman* (Jawi). Pulau Pinang: The Jelutung Press.

- Muhammad Yusoff Hashim, 1991. *Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panuti Sudjiman, 1982. *Adat Raja-Raja Melayu*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.*Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan*, 2000. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Raja Nazrin Shah, 2004. *The Monarchy in Contemporary Malaysia*. Singapore: Institute of *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* (Jawi), 1935. Taiping.
- Syed Ahmad Hussein, 2004. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thamarat al-Muhimmah, 2014. Kuala Lumpur: Penerbit Khazanah Fathaniyah.
- Tuhfat al-Nafis Karangan Raja Ali Haji dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia Matheson Hooker, 1998. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan
- Yate, A., 1996. *Al-Ahkam as-Sultaniyyah: The Laws of Islamic Governance* (translated by Asadullah Yate). London: Ta-Ha Publishers Ltd.